

TERMA DAN SYARAT MDEC BUSINESS DIGITAL ADOPTION

Terma dan Syarat ini ("**Terma dan Syarat**") adalah terpakai untuk penyertaan anda di dalam program "**BUSINESS DIGITAL ADOPTION**" ("**Program**") dan pemakaian maklumat atau sumber yang disediakan di bawah program tersebut ("**Maklumat**") serta hubungan di antara Malaysia Digital Economy Corporation Sdn.Bhd. [No Syarikat: 199601016995 (389346-D)] ("**MDEC**") dan anda. "Anda" dalam Terma dan Syarat ini merujuk kepada entiti yang dinamakan sebagai pemohon atau peserta dalam borang pendaftaran Program. Dengan menyertai Program dan/atau penggunaan Maklumat di bawah Program ini, anda dianggap telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat di sini.

1. Program dan Maklumat tersebut, yang mana mungkin terdiri daripada tetapi tidak terhad kepada slaid pembentangan, risalah, maklumat mengenai program insentif, latihan dan bahan-bahan Program, penawaran dan kandungan dari laman web yang berkaitan, yang disediakan di bawah dan melalui Program ini, adalah atas dasar "seadanya" dan "seperti yang tersedia", tanpa sebarang representasi atau jaminan daripada MDEC atau mana-mana pihak ketiga, sama ada nyata atau tersirat.
2. Program dan Maklumat tersebut tidak bertujuan untuk memberi atau membentuk satu nasihat professional, pakar, kewangan, perakaunan, cukai, undang-undang, pelaburan, strategik atau pengurusan dan yang sama tidak seharusnya dijadikan sandaran atau ditafsirkan sedemikian atau sebagai pengganti kepada hasil penyelidikan sendiri, siasatan dan mendapatkan nasihat bebas daripada perunding, profesional atau orang lain yang mempunyai kelayakan bersesuaian di dalam pelbagai bidang kepakaran tersebut.
3. MDEC tidak membuat sebarang waranti atau representasi, sama ada secara nyata atau tersirat, tentang ketepatan, kesesuaian, kesempurnaan atau ketepatan masa penggunaan Maklumat tersebut untuk sebarang tujuan, tajuk, kebolehdagangan, kualiti atau kesesuaian yang memuaskan untuk tujuan tertentu mana-mana produk atau perkhidmatan, pelanggaran hak harta intelektual, kerahsiaan apa-apa maklumat yang didedahkan kepada mana-mana pihak oleh anda, daya maju atau kebolehlaksanaan mana-mana peluang perniagaan, penambahbaikan, model atau apa-apa jenis pelaburan walau apa pun.
4. Maklumat, sumber atau data daripada pihak ketiga boleh digunakan atau disediakan melalui Program ini. Meskipun segala tindakan telah diambil dalam memastikan ketepatan, kesempurnaan dan integriti ke atas maklumat, sumber atau data tersebut, MDEC tidak mengesahkan dan MDEC tidak membuat sebarang representasi atau jaminan dalam apa jua bentuk, sama ada secara nyata atau tersirat, dalam menyediakan yang sama.
5. Maklumat tersebut harus digunakan atas risiko anda sendiri. MDEC tidak boleh memikul sebarang tanggungjawab untuk apa-apa tindakan atau keputusan yang dibuat yang bergantung kepada Maklumat tersebut atau sebarang liabiliti yang ditanggung atau kerugian yang dialami akibat daripada kebergantungan kepada Maklumat tersebut.
6. Sejauh mana yang diizinkan oleh undang-undang, MDEC tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk tidak terhad kepada kehilangan keuntungan, pendapatan, pelanggan, reputasi dagangan ("*goodwill*") atau peluang, kehilangan data atau apa-apa lain kerugian samada secara langsung, tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, kerosakan punitif atau khas, kerugian atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk sekalipun, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan atau ketidak bolehpakaian Maklumat tersebut dan/atau penyertaan anda di dalam Program ini.
7. Jika anda memeberikan apa-apa logo atau tanda dagangan kepada MDEC untuk tujuan penyertaan anda di dalam Program ini, anda dengan ini memberikan lesen yang tidak boleh ditarik balik, kekal, tidak eksklusif, boleh dipindah milik, boleh dilesenkan, di seluruh dunia dan bebas royalti kepada MDEC untuk mengguna, mengemudi, menyimpan, mengedar, memproses, menyalin semula,

menghasilkan semula, memaparkan yang sama secara terbuka, semata-mata untuk tujuan Program ini.

8. Dengan mendaftar ke Program ini dan memberikan data peribadi anda kepada MDEC, anda menyatakan, bahawa anda telah membaca dan memahami penyata perlindungan data peribadi MDEC yang boleh diakses di <https://mdec.my/footer-pages/personal-data-protection/> dan bersetuju dengan sebarang pemprosesan data peribadi yang anda berikan kepada MDEC mengikut tatacara yang dinyatakan di dalamnya.
9. Anda mengakui dan bersetuju bahawa maklumat yang anda berikan kepada MDEC bagi tujuan penyertaan Program ini boleh digunakan oleh MDEC untuk tujuan (a) kes penggunaan, kajian kes, sesi kesedaran, bengkel, latihan; (b) penilaian impak, perancangan, analisis dan/atau penyediaan statistik; (c) penerbitan data gabungan tanpa mendedahkan butiran perniagaan anda dan pelanggan anda; dan (d) pendedahan kepada mana-mana kementerian kerajaan, jabatan, agensi, pihak berkuasa atau badan berkanun.
10. Dengan mendaftar dan / atau menyertai Program ini, anda menyatakan, menjamin dan bersetuju bahawa anda telah membaca dan memahami Kod Etika MDEC yang boleh diakses di <https://mdec.my/footer-pages/code-of-conduct/> dan bersetuju untuk terikat dengan syarat-syarat Kod Etika tersebut dan anda tidak melanggar dan tidak akan melanggar mana-mana terma Kod Etika yang terpakai ke atas anda.
11. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini boleh ditafsirkan sebagai memberikan anda hak, secara implikasi atau sebaliknya, sebarang lesen atau hak untuk menggunakan mana-mana hak proprietari dan/atau hak harta intelek yang dimiliki oleh dan/atau terletak hak kepada MDEC atau mana-mana pihak ketiga.
12. Program ini boleh diubahsuai, digantikan, digantung, dibatalkan atau ditamatkan pada bila-bila masa.
13. Tiada apa-apa yang terkandung di sini boleh ditafsirkan sebagai suatu perkongsian, usahasama, hubungan prinsipal-ejen atau hubungan pekerja dan majikan antara MDEC dengan anda.
14. MDEC boleh mengemaskini dan/atau meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dengan menghantar e-mel makluman ke alamat e-mel yang anda berikan kepada MDEC; dan sekiranya anda meneruskan penyertaan anda dan/atau penggunaan Maklumat tersebut, anda dianggap telah bersetuju dengan Terma dan Syarat yang terkini.
15. Terma dan Syarat di dalam ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia sekiranya berlaku sebarang pertikaian.

MDEC BUSINESS DIGITAL ADOPTION TERMS AND CONDITIONS

These terms and conditions (“**Terms and Conditions**”) govern your participation in the “**BUSINESS DIGITAL ADOPTION**” programme (“**Programme**”) and your use of the information or resources provided thereunder (“**Materials**”) and the relationship between Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. [Company No.: 199601016995 (389346-D)] (“**MDEC**”) and yourself. “You” in these Terms and Conditions refer to the entity named as applicant or participant in the Programme registration form. By participating in the Programme and/or using the Materials, you are deemed to have read, understood, accepted and agreed to these Terms and Conditions.

1. The Programme and the Materials, which may include but not limited to presentation slides, brochures, information on incentive programmes, training and event materials, offerings and content from related websites, provided under and through the Programme, are made available or provided on an “as is” and “as available” basis, without any representation or warranty of any kind by MDEC or any third party, whether express or implied.
2. The Programme and the Materials do not provide or constitute professional, expert, financial, accounting, tax, legal, investment, strategic or management advice and the same should not be relied on or construed as such or as a substitute for doing your own research, due diligence and seeking your own independent advice from consultants, professionals or such other persons who are suitably qualified in the respective fields of expertise.
3. MDEC makes no warranties or representations whatsoever, whether express or implied, as to the accuracy, suitability, completeness or timeliness of use for any purpose of the Materials, title, merchantability, satisfactory quality or fitness for particular purpose of any product or service, non-infringement of intellectual property rights, confidentiality of any information disclosed to any party by you, viability or feasibility of any business opportunity, improvement, model or any type of investment whatsoever.
4. Information, resources or data from third party may be used or provided through the Programme. Whilst every care is taken to ensure the accuracy, completeness and integrity of such information, resources or data, MDEC has not independently verified the same and MDEC makes no representation or warranty of any kind, whether express or implied, in providing the same.
5. The Materials should be used at your own risk. MDEC cannot accept responsibility for any action or decision made in reliance of the Materials or any liability incurred or loss suffered as a consequence of relying on the Materials.
6. To the maximum extent permitted by law, MDEC shall not be liable for any loss or damage, including without limitation loss of profit, revenue, customer, goodwill or opportunity, loss of data or any other direct, indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special loss, damage or expense of any kind whatsoever, arising out of or in connection with the use of or inability to use the Materials and/or your participation in the Programme.
7. If you provide any logo or trademark to MDEC for purpose of your participation in the Programme, you hereby grant an irrevocable, perpetual, non-exclusive, transferable, sub-licensable, worldwide and royalty-free license to MDEC to use, host, store, distribute, process, copy, reproduce, publicly display the same, solely for the purpose of the Programme.
8. By registering for the Programme and providing personal data to MDEC, you represent, warrant and agree that you have read and understood MDEC’s personal data protection statement which is accessible at <https://mdec.my/footer-pages/personal-data-protection/> and agree to the processing of any personal data provided by you to MDEC in accordance with the manner specified therein.
9. You acknowledge and agree that the information you provided to MDEC for purpose of your participation in the Programme may be used by MDEC for purposes of (a) use case, case study,

awareness session, workshop, training; (b) impact assessment, planning, analysis and/or preparing statistics; (c) publishing of consolidated data without disclosing identifiable details of your business and your customers; and (d) disclosure to any government ministry, department, agency, authority or regulatory body.

10. By registering for and/or participating in the Programme, you represent, warrant and agree that you have read and understood MDEC's code of conduct which is accessible at <https://mdec.my/footer-pages/code-of-conduct/> and agree to be bound by the terms of such code of conduct and you have not breached and shall not breach any of the terms of the code of conduct applicable to you.
11. Nothing contained in these Terms and Conditions shall be construed as granting to you, by implication or otherwise, any license or right to use any of the proprietary rights and/or intellectual property rights owned and/or vested in MDEC or any third party.
12. The Programme may be modified, substituted, suspended, cancelled or terminated at any time.
13. Nothing contained herein shall be construed to imply a partnership, joint venture, principal-agent or an employer-employee relationship between MDEC and yourself.
14. MDEC may update and/or amend these Terms and Conditions at any time by sending a notification email to the email address you provided to MDEC; and if you continue your participation and/or use of the Materials, you shall be deemed to have agreed to the latest Terms and Conditions.
15. The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. The Parties agree to submit to the jurisdiction of the courts of Malaysia in the event of any dispute.

<End of Terms and Conditions>